

BUKU FOREX

untuk para pemula




FBS

The logo consists of the letters 'FBS' in a bold, white, sans-serif font, centered within a bright green square. A thin white horizontal line is positioned directly beneath the letters.

Kandungan

<i>Apakah itu pasaran Forex.....</i>	<i>2</i>
<i>Apa yang didagangkan.....</i>	<i>4</i>
<i>Masa berdagang.....</i>	<i>9</i>
<i>Cara-cara untuk bermula.....</i>	<i>11</i>
<i>Bagaimana cara berdagang?.....</i>	<i>13</i>
<i>Bagaimanakah cara membuka pesanan perdagangan?.....</i>	<i>17</i>
<i>Beli atau jual?</i>	<i>19</i>
<i>Perdagangan fundamental.....</i>	<i>21</i>
<i>Perdagangan teknikal.....</i>	<i>25</i>
<i>Seberapa banyak wang yang anda perlu untuk berdagang?.....</i>	<i>28</i>
<i>Ciri-ciri FBS.....</i>	<i>30</i>

Apakah itu pasar FX?



Forex atau FX – kependekan untuk tukaran matawang asing – adalah antara pasaran kewangan global terbesar untuk perdagangan matawang. Di Forex, organisasi dan individu mengurus wang, melindungi risiko, dan membuat keuntungan.

FX tiada lokasi fizikal yang perlu dilawati oleh pelabur untuk memperdagangkan matawang. Ia ialah sebuah jaringan elektronik yang menghubungkan pelbagai bank, broker, institusi kewangan, dan pedagang individu (kebanyakannya menerusi broker atau bank).

Pusat-pusat kewangan di serata dunia – London, New York, Tokyo, Hong Kong dan Singapura – berfungsi sebagai hab perdagangan antara para pembeli dan penjual. Untuk mendapatkan akses kepada pasaran matawang antarabank anda perlu menggunakan khidmat broker Forex.



Apa yang didagangkan

Matawang

Transaksi Forex melibatkan dua matawang, yang membentuk apa yang dipanggil sebagai **pasangan matawang**. Sebagai contoh, pasangan EUR/USD menunjukkan harga untuk satu euro dalam dolar AS. Terdapat beberapa jenis pasangan matawang yang berbeza.

Pasangan Major Semua pasangan major menampilkan dolar AS dan ia amat popular sekali di kalangan para pedagang:

EUR/USD, GBP/USD, USD/JPY, USD/CHF, AUD/USD, dsb.

Semua ini adalah pasangan-pasangan yang paling banyak didagangkan, cenderung bersifat dinamik, dan mempunyai syarat-syarat urusan yang terbaik.

Pasangan silang terdiri dari dua matawang yang popular, tetapi tidak mengandungi dolar AS. Pasangan silang yang paling lazim mengandungi euro, yen, dan pound British:

EUR/GBP, EUR/JPY, GBP/JPY, EUR/AUD, dsb.

Pasangan matawang eksotik terdiri dari satu matawang major dan satu matawang dari ekonomi membangun (Brazil, Mexico, India, dsb.) atau ekonomi kecil (Sweden, Norway, dsb.). Pasangan-pasangan eksotik sangat meruwap dan membawakan keuntungan yang besar serta risiko yang besar juga.

CFD

Kita tahu bahawa minyak dihitung dalam unit tong dan emas dalam unit jongkong. Namun, anda harus faham bahawa bila anda ke pasaran minyak, anda tidak akan mendapat minyak sebenar yang diisi di dalam suatu bekas.

Jadi, apa yang anda akan dapat? Dalam konteks perdagangan minyak, emas atau saham, anda akan menemui tiga huruf sakti: [CFD](#).

CFD bermaksud "**Contract for Difference**" (Kontrak Untuk Perbezaan). Ia adalah suatu jenis kontrak yang istimewa di mana ia berasaskan kepada harga suatu aset pendasar. Ia membolehkan para pedagang meraih manfaat dari perbezaan di antara harga masuk suatu dagangan dan harga keluarnya. Dalam perkataan lain, dengan CFD anda akan mendapat peluang untuk membuat wang dari perubahan harga emas/minyak/saham tanpa membeli aset-aset ini secara fizikal. Sangat memudahkan, bukan?

Pasangan manakah yang harus dipilih untuk berdagang?

Jika anda baru sahaja mula belajar berdagang, pilih pasangan-pasangan major. Anda akan menemui banyak sekali analisis tentang mereka dan permulaan karier perdagangan anda akan menjadi lebih lancar dan menyenangkan. Setelah sekian masa berla-lu, rencamkan pilihan anda: tambahkan pasangan silang dan eksotik ke portfolio anda. Dengan cara ini anda boleh maksimumkan keuntungan anda dan minimumkan risiko anda.



Minyak Mentah

Mari kita mulakan dengan minyak, bahan bakar utama dunia.

Brent and WTI adalah dua tanda aras utama minyak yang anda boleh dagangkan. Kedua-dua aset cenderung untuk bergerak dalam arah yang sama, tetapi paras harga sebenar berbeza kerana adunan-adunan minyak ini dikeluarkan di rantau yang berbeza.

Arah gerakan pasaran minyak bergantung kepada bekalan dan permintaan.

- Bekalan merujuk kepada amaun pengeluaran minyak dunia: jika keluaran meningkat, harga minyak menjadi lebih murah. Sebaliknya pula, jika pengeluaran menurun (sebagai contoh, jika pengeluar memutuskan untuk menghadkannya atau jika ada prasarana minyak yang tidak dapat beroperasi) bekalan minyak menjadi terhad dan harga meningkat.
- Permintaan untuk minyak tinggi bila ekonomi-ekonomi utama dunia menunjukkan pertumbuhan yang kuat. Harga minyak meningkat dalam waktu-waktu yang sebegitu. Sebaliknya, di waktu krisis ekonomi dan kewangan, pembeli-pembeli minyak mengalami kesukaran dan mengurangkan pembelian. Permintaan yang lebih rendah membuatkan para penjual memotong harga mereka untuk komoditi berkenaan.

APAKAH YANG MEMPENGARUHI HARGA MINYAK?



Sumber: Pentadbiran Maklumat Tenaga A.S., Thomson Reuters

Untuk meramalkan pergerakan pasaran, anda perlu memantau [berita](#) dan menyemak [kalendar ekonomi](#).

Emas

Di dalam MetaTrader, emas dilabel sebagai **XAU/USD**.

Emas adalah pelaburan tradisional yang selamat: empayar tumbuh dan roboh, instrumen kewangan baru datang dan pergi, tetapi logam berharga ini sentiasa ada.

Bila orang mahu menyimpan nilai, mereka membeli emas. Ini mempunyai kesan ke atas perdagangan jangka pendek:

- Di waktu keadaan global yang tidak menentu, harga emas bergerak naik.
- Bila pedagang sanggup mengambil risiko, harga emas turun.

Untuk dapat menangkap sentimen pasaran, anda perlu mengikuti berita.

Saham dan indeks

Saham syarikat-syarikat besar

Dengan FBS, anda juga boleh membeli dan menjual saham. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, anda akan berdagang dengan [saham CFD](#). Ia adalah cara yang paling mudah untuk membuat keuntungan di pasaran saham. Secara ringkas, dengan saham CFD semua ciri-ciri perdagangan adalah serupa seperti mana ketika anda berdagang matawang. Satu-satunya perbezaan adalah pada faktor-faktor yang membuatkan harga saham naik dan turun.

Dinamik harga saham bergantung kepada keputusan kewangan dan lain-lain berita yang berkaitan dengan syarikat yang terbabit. Sebagai contoh, saham Tesla cenderung melonjak bila syarikat tersebut mengumumkan model baharu.

Untuk meramalkan pergerakan saham dengan sukses, anda perlu mengkaji laporan pendapatan syarikat yang boleh didapati di [kalendar ekonomi](#) serta dari suapan berita di laman web FBS.



Indeks ekuiti

Indeks ekuiti atau indeks pasaran saham digunakan untuk menjelaskan prestasi pasaran saham, atau sebahagian daripadanya.

Sebagai contoh, S&P 500 menunjukkan prestasi saham syarikat-syarikat besar AS secara keseluruhan. NASDAQ mengandungi maklumat tentang syarikat-syarikat gergasi teknologi.

Lebih baik suasana perniagaan di suatu negara (kadar faedah rendah, kestabilan ekonomi dan politik, dsb.), lebih tinggi indeks saham akan naik. Jika anda lihat pada carta jangka panjang, saham-saham Amerika sentiasa menunjukkan trend menaik seolah-olah tiada had penghujungnya!

S&P 500



Masa berdagang




Pasaran FX buka 24 jam sehari, 5 hari seminggu. Walaupun matawang didagangkan tanpa henti sepanjang masa, pemain-pemain pasaran membeza-bezakan antara sesi perdagangan berdasarkan kepada masa pasaran dibuka di rantau-rantau tertentu di dunia.

Secara umumnya boleh diandaikan ada empat sesi perdagangan:

- Australia
- Asia
- Eropah
- Amerika

Sesi FX bermula di Australia dan New Zealand, meluas ke Asia, berlanjutan ke Eropah, dan akhirnya tiba di Amerika Syarikat dan Kanada. Biasanya, volum perdagangan lebih tinggi di zon pertemuan sesi-sesi ini.

Jejaki sesi perdagangan kerana perdagangan matawang menjadi lebih dinamik pada waktu-waktu ini.



Cara-cara untuk bermula

Untuk mula berdagang dengan FBS mudah sekali. Anda akan perlukan hanya dua perkara: laman peribadi dan platform perdagangan.

FBS Laman Peribadi Mobile

Akses semua data peribadi anda berkenaan perdagangan dan urus dana anda dari mana-mana tempat di seluruh dunia. Ikut langkah-langkah mudah berikut:



Anda juga boleh mendaftar di laman web FBS.

- Muat turun app tersebut.
- Daftarkan sebuah akaun. Pilih jenis akaun yang paling sesuai dengan keperluan anda. Sistem akan memberikan anda nombor akaun dan kata laluan. Anda akan perlu memasukkan maklumat ini di perisian terminal perdagangan untuk memulakan aktiviti perdagangan.
- Periksa emel anda. Nanti anda akan menemui satu emel pendaftaran. Ikuti pautan di dalam emel tersebut untuk sahkan alamat emel anda dan sempurnakan pendaftaran. Untuk boleh mengeluarkan wang dari akaun anda, sahkan profil anda.

Platform perdagangan

Suatu perisian perdagangan yang akan memberikan anda akses kepada sebut harga secara live untuk instrumen-instrumen perdagangan paling dikehendaki di dunia. FBS menawarkan anda beberapa pilihan yang hebat.

MetaTrader



MetaTrader ialah sebuah platform perdagangan yang paling popular untuk berdagang. Jika anda mahu menggunakan 50 indikator dan alat untuk menganalisa carta dan menggunakan bantuan "expert advisor" (EA), ini harus menjadi pilihan anda.

- **MetaTrader 4** sesuai untuk mereka yang baru bermula dan mahu fokus kepada pasaran Forex.
- **MetaTrader 5** cocok sekali untuk analisis yang mendalam dan perdagangan melibatkan pilihan jenis aset yang lebih meluas, sebagai contoh, saham.

FBS Trader



FBS Trader ialah satu aplikasi platform perdagangan semua-dalam-satu yang dibina khas. Ia menggabungkan ciri-ciri seperti:

- Antaramuka pintar yang membolehkan anda mengedit pesanan dan tetapan akaun anda dengan beberapa klik sahaja.
- Deposit dan pengeluaran yang segera menerusi lebih 100 sistem pembayaran.
- Pasukan khidmat pelanggan profesional yang menjawab soalan-soalan anda 24/7.


Bagaimana cara berdagang?



Perdagangan Forex

Bayangkan anda percaya bahawa euro akan menguat berbanding dolar AS. Anda beli 100,000 EUR, membayar 110,000 USD dari akaun perdagangan anda (matawang akaun anda tidak penting).

Unjuran anda benar dan harga EUR/USD benar-benar naik menjadi 1.1050. Hasilnya, bila anda tutup urusniaga anda dengan menjual 100,000 EUR anda mendapat 110,500 USD, meraih 500 USD sebagai keuntungan.



Kami sengaja menggunakan angka 100,000 EUR di dalam contoh ini. Ada saiz-saiz posisi yang spesifik yang boleh anda gunakan bila berdagang di pasaran kewangan menggunakan perisian MetaTrader.

Lot ialah suatu unit dalam perdagangan. 1 lot bersamaan dengan 100,000 unit matawang asas. Di dalam contoh di atas, saiz dagangan adalah sebanyak 1 lot.

Urusniaga boleh dilakukan dengan saiz kurang dari 1 lot. Saiz urusniaga terkecil dikenali sebagai "lot mikro" dan ia bersamaan dengan 1,000 unit matawang asas.

**Matawang asas/Matawang se-
butharga
EUR/USD
1/1.1000
1 euro bersamaan dengan 1.10
dolar AS**

**1 lot = 100,000 unit matawang asas
1 lot mini = 10,000 unit matawang
asas
1 lot mikro = 1,000 unit matawang
asas**

Anda boleh tetapkan saiz leveraj bila anda membuka suatu akaun perdagangan. Leveraj meningkatkan potensi keuntungan anda, namun ia juga memperbesarkan kerugian anda jika pasaran bergerak melawan anda. Untuk golongan pemula, leveraj yang lazim disyorkan adalah 1:100.

Sungguh begitu, 1,000 EUR atau 1,000 USD sekali pun adalah satu amaun yang besar. Adakah ini bermakna anda perlukan sebegitu banyak wang untuk membuka urusan dagangan? Jawapannya tidak, anda boleh mula berdagang dengan sekecil 1 USD. Bagaimana caranya?


Jawapannya terletak pada apa yang dipanggil "**leveraj**". Broker menyediakan kepada anda lebih banyak wang dari baki yang ada di akaun anda dengan membolehkan anda menggunakan leveraj. Jika anda punyai leveraj 1:100, broker membolehkan anda meminjam 100 USD bagi setiap dolar yang ada di akaun anda. Dalam perkataan lain, jika anda punyai 1,000 USD di akaun anda dan punyai leveraj 1:100, anda boleh memasuki posisi perdagangan dengan nilai sehingga 100,000 USD.

Amaun yang anda perlu ada di akaun anda untuk membuka dagangan berleveraj dikenali sebagai "**margin**". Di dalam contoh yang baru sahaja kami jelaskan, 1000 USD adalah margin untuk posisi sebesar 100,000 USD.

Dengan 1,000 USD di akaun anda, keuntungan 500 USD bererti anda telah hasilkan 50% dari nilai akaun anda dengan urusan dagangan ini.


Berapakah kos untuk suatu dagangan?

Pip adalah perubahan terkecil yang boleh berlaku pada suatu kadar tukaran. Untuk EUR/USD, pip adalah tempat perpuluhan yang ke-empat – 0.0001; untuk matawang yang mengandungi yen Jepun seperti USD/JPY ia adalah tempat perpuluhan kedua (0.01).



Pada gambar di atas, anda boleh lihat dua sebut harga diberi untuk EUR/USD. Harga yang lebih rendah adalah harga di mana anda boleh menjual pasangan tersebut. Ia dipanggil harga "Bid" (harga bidaan, harga tawaran). Ini adalah harga yang anda akan lihat di carta. Harga "Ask" yang lebih tinggi adalah harga yang anda perlu bayar bila anda membeli pasangan tersebut.

Beza antara dua harga ini dipanggil spread. Spread adalah komisyen yang kita bayar kepada broker kita untuk setiap transaksi. Ia berfungsi sama seperti pengurup wang: anda jual pada harga yang lebih rendah, dan beli pada harga yang lebih tinggi, jadi bank atau broker boleh mendapatkan pendapatan spread mereka sebagai balasan memberikan anda akses ke pasaran.



Lebih popular sesuatu pasangan matawang, spreadnya semakin kecil. Sebagai contoh, spread untuk transaksi EUR/USD biasanya sangat kecil, atau dalam bahasa pedagang, sangat "ketat". Memandangkan spread disebut dalam bilangan pip, pedagang boleh mengira kos setiap dagangan dengan mudah, hanya darabkan bilangan pip pada spread dengan nilai 1 pip. Nilai 1 pip tergantung pada saiz dagangan dalam lot.

Jika anda buka dagangan 1 lot untuk EUR/USD, 1 pip pergerakan harga dalam arah yang memihak kepada anda akan membawakan anda 0.0001 didarabkan dengan 100,000 atau 10 USD. Semakin kecil saiz dagangan dalam lot, lebih kecil keuntungan yang anda akan raih untuk setiap 1 pip. Nilai pip adalah malar jika USD dinyatakan di sebelah kanan (kedua) pada suatu pasangan dan baki akaun anda adalah dalam dolar AS. Dalam kes-kes lain, anda perlu mengubah suai formula dengan memasukkan harga matawang yang relevan.


Jika anda mahu mengetahui bagaimana anda boleh putuskan apa yang perlu dilakukan – beli atau jual – teruskan membaca laporan ini, kami akan jelaskan segalanya sebentar lagi.

Jika anda tahu pasangan matawang atau CFD mana yang anda mahu beli atau jual, pergi ke terminal perdagangan untuk membuka urusan dagangan anda. Untuk melaksanakan yang tersebut, anda perlu membuat pesanan – memberikan arahan khusus kepada broker melalui MetaTrader.

**Bagaimanakah
cara
membuka
pesanan
perdagangan?**

Ada beberapa cara untuk membuka pesanan perdagangan. Cara yang paling mudah adalah dengan mengklik butang “New Order” di toolbar atau klik kanan pada carta dan seterusnya pilih “Trading” – “New order”.

Selepas anda klik butang “New Order”, satu kotak pesanan akan terpapar. Anda perlu isikan ruangan-ruangan berikut.



Simbol adalah instrumen kewangan yang anda akan dagangkan. Pilih dari senarai drop-down.

Parameter seterusnya adalah **volum**. Secara mudahnya, ini adalah saiz dagangan anda.

Sekarang tiba masanya untuk penetapan **Renti Rugi (Stop Loss)** dan **Ambilan Untung (Take Profit)**. Secara default, ruang-ruang ini kosong. Anda boleh masukkan terus maklumat ini, masukannya kemudian, atau pilih untuk tidak menggunakannya langsung.

Renti Rugi (SL) adalah salah satu alat pengurusan risiko yang utama. Jika anda memasang SL, anda hadkan amaun kerugian jika keadaan tidak menyebelahi urusan anda. Sebagai contoh, anda masukkan pesanan renti rugi di satu aras sejauh 20 pip dari titik masuk posisi anda. Sebaik sahaja pasaran bergerak 20 pip bertentangan jangkaan anda, pesanan Renti Rugi anda akan terlaksana secara automatik melindungi anda dari menanggung kerugian yang lebih besar dari 20 pip.

Ambilan Untung (TP) adalah sasaran keuntungan anda. Pedagang yang pintar akan melakukan agar TP tiga kali lebih besar dari SL. Dengan cara ini satu dagangan yang berjaya akan membantu pedagang menampung tiga dagangan yang rugi yang mempunyai nisbah risiko/ganjaran yang sama.

Ruang penting yang seterusnya adalah **Jenis (Type)**. Ada dua jenis pesanan – pesanan pasaran (market orders) dan pesanan tertanggung (pending orders). Perbezaan utama di antara jenis-jenis ini ialah pesanan pasaran dibuka secara automatik pada harga semasa pasaran, manakala pesanan tertanggung boleh ditetapkan untuk suatu harga yang spesifik di masa hadapan.

MetaTrader menawarkan banyak ciri-ciri. Untuk ketahui lebih lanjut, tonton [video-video tutorial](#) kami.

**Beli
atau jual?**

Keputusan untuk membeli atau menjual bergantung kepada jangkaan anda tentang harga di masa hadapan. Bila anda dagangkan matawang dan CFD, anda boleh meraih keuntungan dari pergerakan menaik dan menurun di pasaran.




Anda fikir suatu pasangan matawang akan naik
Anda buka dagangan **BUY**
Anda masuk posisi **long**

Bila anda beli, anda **bullish**



Anda fikir suatu pasangan matawang akan jatuh
Anda buka dagangan **SELL**
Anda masuk posisi **short**

Bila anda jual, anda **bearish**



Perdagangan fundamental



Dengan mengikuti perkembangan indikator utama ekonomi suatu negara, anda boleh meramalkan dinamik kadar faedahnya dan seterusnya harga matawangnya sekali.

Sama seperti banyak perkara lain, harga matawang dan aset-aset kewangan lain digerakkan oleh bekalan dan permintaan:

- Jika pembeli lebih ramai dari penjual, harga akan naik.
- Jika penjual lebih ramai dari pembeli, harga akan turun.

Bekalan matawang ditentukan oleh regulator monetari suatu negara, atau dalam perkataan lain, bank pusat. Bank-bank pusat menetapkan kadar faedah asas untuk ekonomi mereka. Jika KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) suatu negara berkembang dan begitu juga dengan inflasi dan pengangguran, bank pusat negara itu akan menaikkan kadar faedah. Kadar yang lebih tinggi pula akan menarik pelabur-pelabur asing yang akan membeli matawang negara tersebut. Kesannya, matawang itu akan menguat berbanding matawang-matawang lain.

Bila pedagang menganggarkan prestasi ekonomi pelbagai negara, mereka dikatakan sedang melakukan [analisis fundamental](#).

Berdagang sempena peristiwa berjadual

Peserta-peserta pasaran berdagang berdasarkan kepada maklumat dan jangkaan mereka. Apa-apa yang membuatkan suatu ekonomi itu tampak lebih mantap menjurus kepada pembukaan posisi long, manakala kelemahan ekonomi menjurus kepada pembukaan posisi short. Anda boleh temui pengumuman-pengumuman ekonomi yang akan datang di [kalendar ekonomi](#).

Time	Impact	Currency	Event	Previous	Forecast	Actual
Jan 10, 2020						
16:30	●●●	🇺🇸 USD	Non Farm Payrolls	266K	164K	

Peristiwa-peristiwa yang mengerakkan suatu matawang membawa kepada gerakan intrahari. Ini membolehkan para pedagang membuka dan menutup dagangan pada satu hari yang sama.

- ▲ Jika indikator diumumkan lebih baik dari yang diunjurkan, jika tiada perkara lain yang berubah, matawang terbabit seharusnya meningkat.
- ▼ Sebaliknya, jika suatu indikator itu mengecewakan, matawang cenderung untuk turun.

Jika pedagang menjangkakan pergerakan harga akan berterusan lebih lama, mereka akan mengekalkan posisi lebih lama. Kebanyakan broker melaksanakan rollover secara automatik dengan menutup posisi di penghujung hari, dan seraya itu membuka posisi yang serupa bagi hari berkerja yang berikutnya. Ketika rollover ini, swap dihitung

Swap ialah suatu fi faedah yang sama ada akan dimasukkan atau dicaj ke akaun anda jika anda mengekalkan posisi anda terus aktif semalaman. Ia bergantung kepada pasangan matawang yang anda pilih untuk dagangkan. Jadi semak di laman web FBS jika anda merancang untuk urusniaga jangka panjang.

Jika suatu matawang mempunyai kadar faedah yang rendah dan matawang satu lagi mempunyai kadar faedah yang tinggi, anda boleh sertai perdagangan bawa ke hadapan dengan membeli matawang yang berkadar faedah tinggi dan menjual matawang berkadar faedah rendah. Walaupun anda perlu membayar faedah yang rendah untuk matawang yang anda pinjam untuk dijual, dalam masa yang sama anda menerima kadar faedah yang tinggi untuk matawang yang anda beli.

Berdagang sempena berita luar jangka


Selain dari peristiwa-peristiwa yang boleh dilihat terlebih awal tarikhnya di kalendar, ada faktor-faktor yang tidak dapat diramalkan yang juga boleh menyebabkan pergeakan besar pada matawang, komoditi, dan saham. Di antara berita-berita luar jangkaan yang tersebut termasuklah keputusan pilihanraya atau referendum yang mengejutkan, ucapan politik pemimpin negara, interaksi terbuka gabenor bank-bank pusat, serta malapetaka alam seperti gempa bumi.

Contoh

Pada bulan Januari 2020, harga emas merecup naik selepas serangan udara AS yang membunuh Jeneral Qassem Soleimani dari Iran dan Iran pula mengebom pengkalan-pengkalan AS di Iraq sebagai balasan. Bagaimana pun kemudian ketegangan di antara Amerika Syarikat dan Iran mulai mereda dan harga emas kembali ke paras yang rendah. Harga telah berubah sebanyak hampir 60 USD di dalam masa satu hari.



Brexit telah menyebabkan GBP terpuruk bukan sahaja pada hari referendum tetapi juga sepanjang tiga tahun yang lalu.



Seperti yang anda boleh lihat, peristiwa-peristiwa seperti ini mampu memberikan peluang meraih keuntungan. Inilah sebabnya mengapa anda harus sentiasa mengikuti perkembangan terkini bersama [FBS](#).

Perdagangan teknikal

Selain dari faktor-faktor fundamental, anda boleh gunakan aksi harga silam untuk mengunjurkan masa hadapan. Ideanya adalah bahawa semua maklumat yang ada – ekonomi, politik, dan psikologi – tercermin dalam pergerakan harga. Justeru, pedagang menganalisa carta untuk membuat keputusan bila mereka mahu masuk dan keluar posisi perdagangan. Analisis carta juga dikenali sebagai [analisis teknikal](#).

Trend

Trend adalah arah umum pergerakan harga bagi suatu aset dalam suatu tempoh masa.

- **Uptrend** (trend bullish) terdiri dari serangkaian titik tinggi yang lebih tinggi dan titik rendah yang lebih tinggi (harga sedang meningkat)
- **Downtrend** (trend bearish) diklasifikasikan sebagai rentetan titik rendah yang lebih rendah dan titik tinggi yang lebih rendah (harga sedang menurun).
- **Trend mendatar** (horizontal, rata) – tiada trend yang terbentuk jelas ke mana-mana arah.

Sila maklum, walaupun ketika suatu uptrend harga tidak akan naik sepanjang masa. Akan terdapat apa yang dipanggil sebagai **pembetulan** – tarikan balik (pullbacks) akibat dari tindakan para pedagang dan pelabur yang mengambil jeda untuk melaraskan posisi mereka.

Salah satu strategi teknikal yang utama adalah perdagangan trend. Bila anda berdagang searah dengan trend, anda buka posisi BUY ketika uptrend dan SELL ketika downtrend. Ungkapan popular “A trend is your friend” (“Trend adalah sahabat anda”) bermaksud berdagang dalam arah trend meningkatkan peluang anda untuk berjaya.

Satu lagi idea utama yang mendasari perdagangan teknikal adalah betapa sejarah cenderung berulang. Dalam perkataan lain, pola-pola yang terbentuk di waktu silam akan berulang lagi di masa hadapan, memicu pergerakan harga yang serupa. Justeru, dengan mengkaji pola-pola ini kita boleh belajar meramal dinamik pasaran.

Sebagai contoh, jika harga berulang kali mencapai suatu aras harga yang tertentu tetapi tidak meningkat lebih darinya atau jatuh lebih rendah darinya, ia dikatakan telah menemui suatu aras rintangan atau aras sokongan.

Rintangan adalah aras di mana harga yang sedang meningkat naik cenderung untuk menyongsang ke bawah.

Sokongan adalah aras pada mana harga yang sedang menurun cenderung menyongsang ke atas.

Garisan trend adalah garisan diagonal yang boleh dilukiskan di antara dua atau lebih titik pangsi harga (price pivot points).

Ia adalah pendekatan yang lazim untuk:

- 1) membuka posisi BUY di aras sokongan, mengambil untung di rintangan.
- 2) membuka posisi SELL di rintangan, mengambil untung di sokongan.



Jika kita gabungkan ini dengan syor sebelum ini berkenaan perdagangan trend, kita akan mendapat syor yang berikut: "Beli di aras sokongan ketika uptrend, atau jual di aras rintangan ketika downtrend". Pedagang-pedagang berpengalaman membuka posisi searah dengan trend dan juga ketika berlaku pembetulan. Untuk orang yang baru bermula, fokus pada perdagangan trend adalah lebih baik.




Bila rintangan/sokongan ditembusi, harga boleh terus bergerak dalam arah penembusan.

Selain dari sokongan dan rintangan, ada pola-pola tertentu yang boleh membantu anda membuat keputusan berdagang yang baik. Sebagai contoh, pola "Head and Shoulders" terdiri daripada satu "kepala" (puncak kedua yang juga merupakan puncak tertinggi), dua "bahu" (puncak pertama dan puncak ketiga yang lebih rendah dari kepala), serta satu "garis leher" iaitu garisan yang menyambungkan 2 titik terendah jurang dan berfungsi sebagai aras sokongan.

Pola ini dikira sah bila harga menerobos ke bawah garisan leher setelah membentuk bahu kedua. Apabila ini sudah berlaku, downtrend seharusnya bermula bagi pasangan matawang itu.

Satu pesanan jual dibuat di bawah garis leher. Untuk menentukan sasaran, ukur jarak di antara titik tertinggi kepala dan garis leher. Jarak ini adalah anggaran seberapa jauh harga akan turun setelah ia membolosi garis leher.

Yang bagus adalah anda tidak perlu melakukan kira-kira yang rumit dalam analisis anda. Wujud apa yang dipanggil indikator teknikal yang akan melakukan semua tugas ini untuk anda. Ada banyak indikator yang anda boleh terokai di dalam [buku panduan](#) kami.



Seberapa
banyak
wang yang
anda perlu
untuk
berdagang?

Semua pedagang baru pasti bertanya-tanya seberapa banyak wang yang mereka harus peruntukkan untuk berdagang. Mari kita lihat.

Anda boleh berlatih berdagang tanpa perlu melaburkan walau satu dolar pun. Untuk itu, buka akaun demo di laman peribadi anda.

Saiz dagangan minimum adalah 0.01 lot. Jika anda beli 0.01 lot EUR/USD dan leveraj anda adalah 1:1000, anda perlukan \$1 sebagai margin untuk dagangan tersebut. Jika anda depositkan \$5 ke akaun mikro, deposit anda akan cukup untuk margin ini dan anda akan boleh membuka empat lagi dagangan lain dengan saiz yang sama. Setiap pip dari pergerakan harga akan sama ada menghasilkan atau memakan kos sebanyak \$0.1.

Mari pertimbangkan beberapa opsyen untuk seorang pedagang pemula. Contoh-contoh yang kami bawakan di sini adalah selamat dan kukuh dari sudut pengurusan risiko.

Deposit	Risiko %	Risiko \$	Volum pesanan	Renti rugi	Ambilan Untung	Keuntungan
\$100	3%	\$3	0.01	30 pips	90 pips	\$9
\$500	3%	\$15	0.1	15 pips	45 pips	\$45
\$1000	3%	\$30	0.1	30 pips	90 pips	\$90

Jika anda ambil keputusan untuk merisikokan 10% (\$100), anda akan boleh berdagang 1 lot. Dalam kes ini, setiap pip keuntungan akan membawakan kepada anda \$10 dan keuntungan 30 pip bernilai \$300. Namun sila maklum bahawa biasanya anda disyorkan untuk tidak merisikokan lebih dari 5% dari akaun anda dalam satu dagangan. Dengan cara ini anda akan pastikan walaupun dagangan ini gagal, anda tidak akan berhadapan bahaya kehabisan wang.


Seperti yang anda boleh lihat, anda perlukan sekurang-kurangnya \$5 untuk mula berdagang. Di akaun sen, jumlah permulaannya jauh lebih rendah lagi – \$1 Selebihnya terpulang kepada anda!

Anggarkan tahap ilmu pengetahuan dan pengalaman anda, dan pertimbangkan juga sasaran anda. Seberapa banyak wang yang anda mahu raih? Seberapa kerap anda akan berdagang? Lebih besar deposit, lebih besar saiz posisi, lebih banyak yang anda akan raih dari satu dagangan.

Semua itu harus dipertimbangkan sambil mengambil kira risiko. Pastikan anda laburkan hanya wang lebihan anda pada perdagangan anda, dan bukan wang yang seharusnya menampung keperluan asasi kehidupan anda.

Anda telah diperlihatkan secara sekilas apa itu perdagangan. Ada banyak hal-hal yang menarik yang menanti anda dan kami berharap anda akan memutuskan untuk melakukan kembara ini bersama FBS. Di pihak kami, kami akan lakukan sedaya upaya kami untuk membantu anda menjadi pedagang yang berjaya!

Ciri-ciri FBS



FBS telah membantu jutaan orang menceburi dan berjaya di dalam Forex. Pada permulaannya, perdagangan mungkin membuat anda berasa kecamuk, tetapi ia akan menjadi terang dan jelas setelah sekian waktu. Untuk membantu para pedagang baru bermula, syarikat ini telah mencipta pelbagai alat-alat berguna.



App FBS CopyTrade

platform perdagangan sosial yang membolehkan anda meniru pesanan-pesanan pedagang profesional dan meraih pendapatan bila mereka juga begitu.

FBS Trader

sebuah app platform serbaguna yang memberikan anda akses ke pasaran global – bila-bila masa, di mana jua, dari peranti-peranti iOS atau Android.

Laman Peribadi Mobile FBS

sebuah app pintar dengan maklumat penting perdagangan untuk mengakses laman peribadi anda di mana jua.

- **Peraduan, promosi, dan bonus alu-aluan** untuk pemula baru dan profesional.
- **Program kesetiaan** membolehkan anda menerima mata hadiah kerana berdagang dan menukarkannya untuk mendapatkan tunai, pelbagai gajet, dan servis-servis istimewa.
- **Khidmat pelanggan 24/7** - kami dengan senang hati akan menjawab soalan-soalan anda tentang perdagangan.

[Video Pendidikan Forex](#)

[Anlisis Harian Pasaran](#)

[Webinar Pendidikan](#)

Peringatan: Perdagangan Forex adalah sangat berisiko. Forex harus didagangkan hanya dengan modal risiko, iaitu istilah pelaburan yang merujuk kepada wang yang anda benar-benar mampu untuk hanguskan. Dalam masa yang sama, tidak perlu untuk takut dengan risiko. Sebagai pedagang, anda perlu mengambil risiko yang munasabah, yang diatasi oleh potensi ganjaran, dan cuba melakukan usaha-usaha untuk mengurangkan risiko anda.

BELAJAR

BUAT

WANG

BERSAMA FBS!